

Tolak budaya memuji

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO (MT) menyambut baik cadangan Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meminta agar budaya memuji tidak dijadikan amalan di kalangan ahli-ahli UMNO.

Mereka menyatakan saranan Presiden itu berasas dan wajar kerana budaya memuji akan menyebabkan pemimpin menjadi leka hingga menyebabkan ahli-ahli mengambil kesempatan dari kelekaan itu.

Ahli-ahli MT juga menyifatkan perhimpunan yang bersejarah kali ini, lebih menunjukkan kematangan perwakilan kerana berjaya menampilkan hujah-hujah yang mantap serta penuh persediaan melalui kajian-kajian.

Naib Presiden, **Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak** berkata, tindakan Presiden itu adalah wajar bagi mengingatkan para pemimpin supaya tidak lalai dengan puji-pujian hingga lupa untuk terus membangunkan negara dan rakyat.

"Kalau kita sebagai pemimpin, kita tidak harus khayal dengan pujian sahaja dan sebagai pengikut kita harus meneruskan perjuangan pemimpin itu dan dasar kerajaan," katanya.

Najib berkata demikian

kepada para pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, hari ini.

Dr. Mahathir hari ini ketika menggulung perbahasan meminta para pemimpin dan ahli-ahli UMNO agar tidak terlalu

memuji beliau dan mengingatkan supaya tidak menjadikan budaya memuji sebagai amalan kerana boleh merosakkan diri, parti dan negara.

Seorang lagi, Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, pendirian Dr. Mahathir yang tidak ma-

hu amalan budaya memuji diserapkan dalam diri pemimpin, adalah kerana beliau mahu melahirkan semangat kekitaan iaitu bersama-sama berkongsi mendapat pujian bukan hanya seorang sahaja yang harus memperolehinya.

"Dr. Mahathir merasa-

kan kejayaan negara hari ini harus dikongsi begitu juga dengan pembangunan negara harus dilakukan bersama-sama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.

Mengenai perwakilan kali ini, Muhammad menyifatkan, kejayaan para perwakilan memberikan

hujah bernas adalah merupakan kejayaan kepada pucuk pimpinan yang selama ini sentiasa mengharapkan mutu ucapan ditingkatkan.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, **Datuk Nazri Tan Sri Aziz** berkata, segala pujian yang diberikan oleh ahli-ahli UMNO lebih-lebih lagi peringkat bawahan kepada Dr. Mahathir merupakan satu pujian yang ikhlas.

"Pada saya tidak salah jika seseorang itu memuji pemimpin yang benar-benar patut menerimanya walaupun Perdana Menteri merasakan itu berlebihan, tetapi pujian itu ikhlas tanpa apa-apa tujuan kerana tidak semua perwakilan itu wakil rakyat," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Abdullah Badawi** berkata, semanganya menjadi sifat semula jadi Dr. Mahathir yang tidak gemar dipuji dalam setiap apa yang dilakukannya.

"Saya sendiri sudah mendengar beberapa kali beliau mengingatkan ahli-ahli MT agar tidak memuji keterlaluan. Malah Dr. Mahathir juga tidak suka cadangan beberapa pihak yang ingin menamakan bangunan-bangunan baru menggunakan namanya," katanya.